

28/12/2001

Isteri dibenar lawat Misuari dua jam

KUALA LUMPUR, Khamis - Isteri bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari, Tarhata Ibrahim, 27, yang berpeluang menemui suaminya selama kira-kira dua jam hari ini, mengesahkan bahawa beliau berada dalam keadaan sihat.

Tarhata serta tiga anaknya, Nur Redha, 6; Khalid, 4; dan Nur Hatta, sembilan bulan bersama peguamnya, Elly Pamatong, hari ini dibawa melawat Misuari di tempat tahanannya oleh pihak polis.

Mereka dibawa menaiki sebuah van dari perkarangan hotel tempat mereka menginap di ibu kota dengan ditemani dua anggota polis berpakaian biasa kira-kira jam 4.50 petang ini.

Ketika ditanya pemberita ke mana tujuan mereka, Pamatong berkata: "Saya tidak tahu, mereka akan membawa kami menemui Misuari."

Sementara itu, Tarhata yang dihubungi Berita Harian lewat petang ini berkata, beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana membenarkan Misuari berjumpa keluarganya.

"Suami saya sihat walaupun berat badannya sudah susut sedikit dan beliau juga mahu saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kebenaran beliau menemui anak-anaknya.

"Kami berjumpa hampir dua jam dan suami saya berpeluang mendakap anak-anak kami yang sudah lebih sebulan tidak menemuinya," kata Tarhata.

Misuari, 60, ditangkap di Pulau Jampiras di Sabah pada 24 November lalu kerana cuba memasuki Malaysia secara haram selepas melarikan diri dari Selatan Filipina berikutan kegagalan melancarkan pemberontakan terhadap Manila.

Dr Mahathir sudah berulang kali menyatakan pendirian Malaysia yang mahu menghantar pulang Misuari secepat mungkin kerana tidak melengahkan isu itu.

Bagaimanapun, Tarhata merayu kepada Dr Mahathir dan Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal, supaya membenarkan Misuari mendapatkan perlindungan di negara ketiga kerana bimbang nyawanya terancam jika dihantar pulang ke Filipina.

Minggu lalu, Arroyo menolak permintaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya Misuari diberi perlindungan di negara ketiga.

(END)